

Lelaki berang isteri muat naik gambar dipukul cerai isteri dengan talak tiga

OKU dipukul, dicerai suami

KOSMO
22/12/16
m/s-3

Oleh NOOR SYAHIDATool AQMA
MOHD. NOOR

KAJANG — Seorang suri rumah orang kelainan upaya (OKU) bukan sahaja menderita apabila sering dipukul suami malah lebih malang dia dicerai dengan talak tiga selepas memuat naik gambarnya dipukul di laman sosial Facebook dalam satu kejadian di Taman Desa Wangsa, Cheras dekat sini kelmarin.



OTHMAN

Dalam kejadian pada pukul 7.30 malam itu, mangsa, Rozaida Md. Yusoff, 45, yang kudung kaki kiri di bawah paras lutut itu cedera pada muka selain mengalami pendarahan pada mata akibat dipukul suaminya.

“Ketika kejadian, suami baru pulang dari kerja dan berlaku sedikit perselisihan faham peribadi antara kami sebelum dia bertindak menampar kedua-dua pipi saya sehingga hampir pengan tetapi saya sempat mengunci pintu dari dalam ketika suami keluar rumah untuk menghisap rokok.

“Selepas menyedari saya me-

ngunci pintu, suami mengugut mahu menendang pintu tersebut tetapi saya tidak menghiraukan ugutannya itu,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Rozaida yang sudah berkahwin dengan suaminya itu selama 23 tahun dan dikurniakan seorang anak lelaki berusia tujuh tahun berkata, dia kemudian bertindak menghubungi salah seorang jirannya meminta pertolongan termasuk menghubungi pihak polis.

“Selepas suami mendapat tahu saya menghubungi pihak polis, dia bertindak melarikan diri ke rumah sewa isteri keduanya yang terletak kira-kira 100 meter dari rumah saya.

“Pada masa sama, adik saya telah membawa saya membuat laporan polis di Balai Polis Tun Hussein Onn kira-kira pukul 10 malam tadi (kelmarin) sebelum mendapatkan rawatan di Hospital Kajang,” jelasnya yang menghidap penyakit kencing manis, sakit buah pinggang, jantung dan darah tinggi.

Jelasnya, dia tidak sangka

Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police) sila ke alamat ini. Wanita ini OKU. Dipukul suami. Alamat

Tmn Desa Wangsa,
43200 Cheras,
Selangor



GAMBAR yang dimuat naik ke laman sosial Facebook menunjukkan Rozaida cedera pada bibir akibat didakwa dipukul suaminya.

tindakannya memuat naik gambarnya dipukul di Facebook itu menyebabkan suaminya bertindak menceraikannya dengan talak tiga menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) tidak sampai lima minit selepas dia berbuat demikian.

Katanya lagi, selain dicerai, suaminya turut mengugut tidak mahu memberikan nafkah kepada anak mereka sekiranya



RUMAH Rozaida dan suaminya yang merupakan lokasi wanita itu mendakwa dipukul oleh suaminya kelmarin terletak di Taman Desa Wangsa, Cheras dekat Kajang.

dia kehilangan pekerjaan disebabkan kejadian itu.

Suaminya bekerja sebagai pengurus di sebuah syarikat cari gali minyak.

“Sejak dahulu lagi, suami memang seorang yang panas baran. Pantang ada kesalahan dibuat walaupun kecil, saya terus dipukul dan dimarahi. Kejadian teruk dipukul ini juga pernah berlaku kira-kira lima tahun lalu.

“Ketika itu, saya tidak membuat laporan polis kerana suami

mengugut mahu menceraikan saya sekiranya laporan polis dibuat,” katanya yang menetap di rumah kakaknya di Shah Alam buat sementara waktu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Othman Nanyan ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian tersebut dan berkata, siasatan lanjut masih dijalankan.

Difahamkan, polis bagaimanapun tidak menahan suami wanita itu.